



GARIS PANDUAN PELESENAN

**BAHAGIAN PELESENAN
MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH**

GARIS PANDUAN LESEN TRED**• LESEN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN****Premis:**

1. Premis yang digunakan hendaklah berstatus perniagaan /industri
2. Mematuhi syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Jabatan teknikal yang lain seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan.
3. Mematuhi lain-lain syarat / arahan yang dikeluarkan oleh Majlis dari masa ke semasa.
4. Sebarang pindaan / ubahsuai premis hendaklah mendapat kelulusan dari Majlis.
5. Memaklumkan sebarang pertambahan keluasan bangunan kepada Majlis.
6. Memastikan susun atur barangan di dalam premis teratur dan tidak menghalang laluan / pergerakan pekerja
7. Dilarang meletakkan sebarang peralatan atau barang dikakilima.
8. Segala tanda arahan / signage yang diperlukan hendaklah disediakan dengan mencukupi dan mematuhi standard / piawaian yang ditetapkan oleh pihak yang berkaitan.
9. Longkang, parit disemua bahagian premis hendaklah diselenggara supaya berkeadaan sempurna dan bersih dan dapat membenarkan pengaliran air yang lancar.

Kebersihan:

10. Diwajibkan menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna.
11. Karung plastik hendaklah sentiasa digunakan.
12. Sampah sarap perniagaan hendaklah diuruskan sendiri dan dibuang ketempat yang dibenarkan oleh Majlis.
13. Kebersihan didalam dan luar premis hendaklah sentiasa dijaga.
14. Dilarang melepaskan sebarang effluent / bahan buangan berjadual ke dalam longkang tanpa dineutralkan terlebih dahulu.
15. Perangkap minyak (grease trap) hendaklah disediakan bagi memerangkap minyak dan hendaklah sentiasa diselenggara.
16. Menyediakan kemudahan tandas / urinal yang mencukupi dan terjaga kebersihannya.

Keselamatan / Kesihatan:

17. Menyediakan alat pemadam api / pencegahan kebakaran sebagaimana ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.
18. Menyediakan kotak 'Fist-Aid' yang lengkap dan ditempatkan di bahagian yang bersesuaian.
19. Menyediakan alat perlindungan pekerja (PPE) yang bersesuaian bagi setiap aktiviti / industri yang berkaitan dan mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh pihak berkaitan.
20. Penyimpanan bahan-bahan merbahaya / bahan kimia / thinner hendaklah secara berasingan daripada bahan-bahan lain.

Halangan / Kacauganggu:

21. Dilarang menimbulkan halangan / kacauganggu kepada lalulintas dan persekitaran.

Pematuhan Kepada Undang-Undang Kecil Berkaitan:

22. Sentiasa mematuhi kehendak Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan Dan Perindustrian (Majlis Daerah Temerloh) 1984.
23. Mematuhi lain-lain perundangan yang berkaitan.

Kemudahan Kantin/Cafeteria:

24. Kantin (dapur/tempat persediaan makanan/pameran dan hidangan) hendaklah sentiasa bersih.
25. Bekalan bahan mentah, bahan makanan hendaklah sentiasa bersih.
26. Pengendali makanan di kantin hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan, mendapat suntikan pelalian TY-2, memakai apron dan tutup kepala.
27. Pengendali makanan juga hendaklah menjalani latihan wajib / kursus pengendali makanan daripada Institut Latihan Pengendali Makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan.
28. Peralatan persediaan, pameran dan hidangan makanan hendaklah berkeadaan baik dan bersih.
29. Peti sejuk bagi penyimpanan bahan mentah hendaklah berkeadaan baik.
30. Setor bahan mentah perlu diuruskan dengan baik dan bebas dari sebarang urungan vermin / tikus.
31. Alat perantara makanan hendaklah disediakan dengan mencukupi dan berkeadaan bersih.
32. Langkah perlindungan pencemaran makanan hendaklah sentiasa dipraktikkan.
33. Peralatan hidangan makanan hendaklah berkeadaan baik dan bersih.
34. Dilarang menggunakan kertas bercetak/surat khabar sebagai pembungkus makanan.
35. Binatang peliharaan tidak dibenarkan berada di dalam ruangan kantin/cafeteria.
36. Menyediakan kemudahan sinka basuh tangan lengkap dengan sabun dan tuala pengelap.
37. Menyediakan notis kesihatan yang berkaitan.
38. Menyediakan notis berkaitan larangan merokok bagi premis berhawa dingin.

Papan Tanda / Papan Iklan:

39. Papan tanda / iklan hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Temerloh) 2000.
40. Setiap papan tanda / iklan hendaklah mendapat lesen daripada Majlis.
41. Bahasa Malaysia hendaklah digunakan bagi semua iklan samada ianya sahaja atau bersama-sama dengan apa-apa bahasa yang lain.
42. Keselamatan struktur iklan / papan tanda hendaklah diprakui oleh jurutera awam atau jurutera berdaftar.
43. Papan tanda /iklan hendaklah diselenggara (mengecat semula, menganti, membaiki atau membersihkan).

Keceriaan Premis:

44. Premis hendaklah sentiasa diselenggara supaya bersih, teratur dan ceria.
45. Langkah-langkah bagi menceriakan premis seperti penyediaan lanskap sangat dialukan.

Mengibarkan Bendera Negeri / Jalur Gemilang:

46. Memasang dengan sempurna dan mengibarkan Bendera Malaysia (Jalur Gemilang) dan Bendera Negeri Pahang dipremis masing-masing sepanjang sambutan Bulan Kemerdekaan, Hari Keputeraan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Hari Keputeraan KDYMM Sultan Pahang.

Lain-Lain:

47. Sebarang perubahan maklumat berkaitan perniagaan, premis hendaklah dimaklumkan kepada majlis.
48. Majlis berhak untuk mengeluarkan apa-apa syarat, peraturan atau arahan dari masa ke semasa.

- **LESEN PREMIS MAKANAN / PENGENDALI MAKANAN**

Premis:

1. Premis yang digunakan hendaklah berstatus perniagaan
2. Mematuhi syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Jabatan teknikal yang lain seperti Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan .
3. Mematuhi lain-lain syarat / arahan yang dikeluarkan oleh Majlis dari masa ke semasa.
4. Sebarang pindaan / ubahsuai premis hendaklah mendapat kelulusan dari Majlis.
5. Memaklumkan sebarang pertambahan keluasan bangunan kepada Majlis.
6. Lantai hendaklah dikemas dengan mosaik, tiles
7. Dinding hendaklah dikemas dengan tiles setinggi 6 kaki
8. Siling hendaklah berkeadaan bersih.
9. Dilarang meletakkan sebarang peralatan atau barang dikalilima.
10. Segala tanda arahan / signage yang diperlukan hendaklah disediakan dengan mencukupi dan mematuhi standard / piawaian yang ditetapkan oleh pihak yang berkaitan.
11. Longkang, parit disemua bahagian premis hendaklah diselenggara supaya berkeadaan sempurna dan bersih dan dapat membenarkan pengaliran air yang lancar.
12. Premis makanan dilarang dijadikan sebagai tempat kediaman.
13. Susunatur premis makanan hendaklah teratur, bebas dari sebarang kesesakan.

Kemudahan Kebersihan:

14. Menyediakan tong sampah yang mencukupi dan berpenutup sempurna dan menggunakan karung plastik bagi mengumpul sampah basah.
15. Menyediakan kemudahan peti sejuk.
16. Menyediakan kemudahan bekalan air yang bersih / punca bekalan air daripada paip.
17. Menyediakan kemudahan sinka basuh tangan yang mencukupi. Sabun dan kemudahan tuala pengelap hendaklah disediakan.
18. Menyediakan kemudahan tandas / urinal yang mencukupi dan terjaga kebersihannya.
19. Perangkap minyak (grease trap) hendaklah disediakan bagi memerangkap minyak dan hendaklah sentiasa diselenggara.

Kemudahan Keselamatan / Kesihatan:

20. Menyediakan alat pemadam api / alat bantu pencegahan kebakaran sebagaimana ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.
21. Menyediakan kotak 'First-Aid' yang lengkap dan ditempatkan di bahagian yang bersesuaian.

Halangan / Kacauganggu:

22. Dilarang menimbulkan halangan / kacauganggu kepada lalulintas dan persekitaran.

Pematuhan Kepada Undang-Undang Kecil Berkaitan / Arahan:

23. Sentiasa mematuhi kehendak Undang-Undang Kecil Kawalan Dan Penyeliaan Tempat-Tempat Makan (Majlis Daerah Temerloh) 1986.
24. Sentiasa mematuhi kehendak Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Temerloh) 1984.
25. Mematuhi lain-lain perundangan yang berkaitan.
26. Mematuhi lain-lain arahan / syarat tambahan yang akan dikeluarkan oleh Majlis dari masa ke semasa.

Langkah-Langkah Kebersihan / Kesehatan:

27. Dapur/tempat persediaan makanan/pameran dan hidangan hendaklah sentiasa bersih.
28. Bekalan bahan mentah, bahan makanan hendaklah sentiasa bersih.
29. Pengendali makanan hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan, mendapat suntikan pelalian TY-2.
30. Pengendali makanan juga hendaklah menjalani latihan wajib / kursus pengendali makanan daripada Institut Latihan Pengendali Makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan.
31. Pengendali makanan hendaklah memakai pakaian yang bersih, memakai apron dan tutup kepala.
32. Pengendali makanan hendaklah memastikan kebersihan diri, kuku dipotong pendek, bersih dan bebas dari sebarang luka kecederaan.
33. Sentiasa mengamalkan tabiat mencuci tangan yang sempurna dengan menggunakan sabun iaitu selepas ketandas, menyentuh bahan kotor atau tercemar .
34. Pengendali makanan dilarang merokok semasa mengendali makanan.
35. Peralatan persediaan, pameran dan hidangan makanan hendaklah berkeadaan baik dan bersih.
36. Peti sejuk bagi penyimpanan bahan mentah hendaklah berkeadaan baik.
37. Setor bahan mentah perlu diuruskan dengan baik dan bebas dari sebarang urungan vermin / tikus.
38. Alat perantara makanan yang bersesuaian dan bersih hendaklah disediakan dengan mencukupi.
39. Menjalankan langkah-langkah kawalan, pencegahan rodensia (tikus), lalat dan lain-lain vermin.
40. Langkah perlindungan pencemaran makanan hendaklah sentiasa dipraktikkan.
41. Peralatan hidangan makanan hendaklah berkeadaan baik dan bersih.
42. Dilarang membungkus makanan menggunakan kertas bercetak/surat khabar.
43. Dilarang memproses, menyedia, meletak bahan makanan di atas lantai.
44. Binatang peliharaan tidak dibenarkan berada di dalam premis makanan.
45. Menyediakan **notis kesihatan** yang berkaitan dan **notis larangan merokok** bagi premis berhawa dingin.
46. Menyediakan jadual pencucian premis.

Papan Tanda / Papan Iklan:

47. Papan tanda / iklan hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Temerloh) 2000.
48. Setiap papan tanda / iklan hendaklah mendapat lesen daripada Majlis.
49. Bahasa Malaysia hendaklah digunakan bagi semua iklan samada ianya sahaja atau bersama-sama dengan apa-apa bahasa yang lain.
50. Keselamatan struktur iklan / papan tanda hendaklah diperakui oleh jurutera awam atau jurutera berdaftar.
51. Papan tanda /iklan hendaklah diselenggara (mengecat semula, menganti, membaiki atau membersihkan).
52. Larangan penggunaan perkataan "HALAL" atau "DITANGGUNG HALAL" atau lain-lain perkataan yang menunjukkan bahawa sesuatu makanan yang dimaksudkan oleh iklan itu adalah diproses, dimasak atau dibuat dengan cara yang diluluskan oleh agama Islam tanpa kebenaran bertulis dari Majlis.

Keceriaan Premis:

53. Premis hendaklah sentiasa diselenggara supaya bersih, teratur dan ceria.
54. Langkah-langkah bagi menceriakan premis seperti penyediaan lanskap sangat dialukan.

Mengibarkan Bendera Negeri / Jalur Gemilang:

55. Memasang dengan sempurna dan mengibarkan Bendera Malaysia (Jalur Gemilang) dan Bendera Negeri Pahang dipremis masing-masing sepanjang sambutan Bulan Kemerdekaan, Hari Keputeraan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Hari Keputeraan KDYMM Sultan Pahang.

Lain-Lain:

56. Sebarang perubahan maklumat berkaitan perniagaan, premis hendaklah dimaklumkan kepada majlis.
57. Majlis berhak untuk mengeluarkan apa-apa syarat, peraturan atau arahan dari masa ke semasa.

- **LESEN PREMIS BENGKEL KERETA / SERVICE KERETA**

Premis:

1. Premis yang digunakan hendaklah berstatus perniagaan
2. Mematuhi syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Jabatan teknikal yang lain seperti Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan .
3. Mematuhi lain-lain syarat / arahan yang dikeluarkan oleh Majlis dari masa ke semasa.
4. Sebarang pindaan / ubahsuai premis hendaklah mendapat kelulusan dari Majlis.
5. Memaklumkan sebarang pertambahan keluasan bangunan kepada Majlis.
6. Dilarang meletakkan sebarang peralatan atau barang dikakilima.
7. Longkang, parit disemua bahagian premis hendaklah diselenggara supaya berkeadaan sempurna dan bersih dan dapat membenarkan pengaliran air yang lancar.

Kemudahan Kebersihan:

8. Menyediakan tong sampah yang mencukupi dan berpenutup sempurna.
9. Menyediakan kemudahan tandas / urinal yang mencukupi dan terjaga kebersihannya. Sabun dan kemudahan tuala pengelap hendaklah disediakan.
10. Perangkap minyak (grease trap) hendaklah disediakan bagi memerangkap minyak dan hendaklah sentiasa diselenggara.

Kemudahan Keselamatan / Kesihatan:

11. Menyediakan alat pemadam api / alat bantu pencegahan kebakaran sebagaimana ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.
12. Menyediakan kotak 'Fist-Aid' yang lengkap dan ditempatkan di bahagian yang bersesuaian.

Halangan / Kacauganggu:

13. Dilarang menimbulkan halangan / kacauganggu kepada lalulintas dan persekitaran.

Pematuhan Kepada Undang-Undang Kecil Berkaitan:

14. Sentiasa mematuhi kehendak Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan Dan Perindustrian (Majlis Daerah Temerloh) 1984.
15. Mematuhi lain-lain perundangan yang berkaitan.

Mengadakan Dan Menjalankan Langkah-Langkah Kebersihan / Kesihatan:

16. Memastikan aktiviti perniagaan tidak menimbulkan kacauganggu kepada persekitaran (bunyi, bau dan penglihatan).
17. Memastikan aktiviti perniagaan tidak menyebabkan tumpahan minyak hitam ke mana-mana longkang, parit , alur air atau tempat awam.
18. Mengumpulkan bahan-bahan buangan terjadual dan melupuskannya mengikut kaedah yang ditentukan oleh pihak yang berkaitan.
19. Mengumpulkan minyak terpakai dan melupuskannya mengikut kaedah yang ditentukan oleh pihak yang berkaitan.
20. Pekerja hendaklah dibekalkan dengan pakaian / peralatan perlindungan diri (PPE) yang sesuai, mencukupi dan mematuhi piawaian.
21. Tanda-tanda arahan / notis keselamatan yang mencukupi dan mematuhi piawaian.
22. Menyediakan jadual pencucian premis.

Papan Tanda / Papan Iklan:

23. Papan tanda / iklan hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Temerloh) 2000.
24. Setiap papan tanda / iklan hendaklah mendapat lesen daripada Majlis.
25. Bahasa Malaysia hendaklah digunakan bagi semua iklan samada ianya sahaja atau bersama-sama dengan apa-apa bahasa yang lain.
26. Keselamatan struktur iklan / papan tanda hendaklah diperakui oleh jurutera awam atau jurutera berdaftar.
27. Papan tanda /iklan hendaklah diselenggara (mengecat semula, menganti, membaiki atau membersihkan).

Keceriaan Premis:

28. Premis hendaklah sentiasa diselenggara supaya bersih, teratur dan ceria.
29. Langkah-langkah bagi menceriakan premis seperti penyediaan lanskap sangat dialukan.

Mengibarkan Bendera Negeri / Jalur Gemilang:

30. Memasang dengan sempurna dan mengibarkan Bendera Malaysia (Jalur Gemilang) dan Bendera Negeri Pahang dipremis masing-masing sepanjang sambutan Bulan Kemerdekaan, Hari Keputeraan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Hari Keputeraan KDYMM Sultan Pahang.

Lain-Lain:

31. Sebarang perubahan maklumat berkaitan perniagaan, premis hendaklah dimaklumkan kepada majlis.
32. Majlis berhak untuk mengeluarkan apa-apa syarat, peraturan atau arahan dari masa ke semasa.

- **LESEN PREMIS GUNTING RAMBUT / PENDANDAN RAMBUT**

Premis:

1. Premis yang digunakan hendaklah berstatus perniagaan
2. Mematuhi syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Jabatan teknikal yang lain seperti Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan .
3. Mematuhi lain-lain syarat / arahan yang dikeluarkan oleh Majlis dari masa ke semasa.
4. Sebarang pindaan / ubahsuai premis hendaklah mendapat kelulusan dari Majlis.
5. Memaklumkan sebarang pertambahan keluasan bangunan kepada Majlis.
6. Dilarang meletakkan sebarang peralatan atau barang dikakilima.
7. Longkang, parit disemua bahagian premis hendaklah diselenggara supaya berkeadaan sempurna dan bersih dan dapat membenarkan pengaliran air yang lancar.

Kemudahan Kebersihan:

8. Menyediakan tong sampah yang mencukupi dan berpenutup sempurna.
9. Menyediakan kemudahan tandas / urinal yang mencukupi dan terjaga kebersihannya. Sabun dan kemudahan tuala pengelap hendaklah disediakan.
10. Menyediakan sinka basuh tangan yang cukup dan lengkap dengan sabun serta tuala pengelap yang bersih.

Kemudahan Keselamatan / Kesihatan:

11. Menyediakan alat pemadam api / alat bantu pencegahan kebakaran sebagaimana ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.
12. Menyediakan kotak 'Fist-Aid' yang lengkap dan ditempatkan di bahagian yang bersesuaian.

Halangan / Kacauanggu:

13. Dilarang menimbulkan halangan / kacauganggu kepada lalulintas dan persekitaran.

Pematuhan Kepada Undang-Undang Kecil Berkaitan:

14. Sentiasa mematuhi kehendak Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut Dan Pendandan Rambut (Majlis Daerah Temerloh) 1987.
15. Salinan undang-undang kecil ini perlu dipamerkan dipremis berlesen.

Langkah-Langkah Kebersihan / Kesihatan:

16. Memastikan aktiviti perniagaan tidak menimbulkan kacauganggu kepada persekitaran (bunyi, bau dan penglihatan).
17. Semua pekerja / tukang gunting hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan.
18. Mengadakan bekas yang sesuai dan cukup bagi mengisi tuala kotor , lain-lain kain kotor selepas digunakan untuk aktiviti gunting rambut.
19. Mengadakan bekas bagi mengumpul keratan rambut dan lain-lain bahan buangan tred perniagaan.
20. Tukang gunting rambut, pendandan rambut hendaklah mencuci tangan dengan bersih menggunakan sabun sebelum melayani pelanggan.
21. Pendandan rambut hendaklah memakai kot, overall yang bersih.
22. Memastikan setiap tuala muka, pelindung leher, tuala leher dan fabrik –fabrik lain yang digunakan secara langsung menyentuh kulit seseorang pelanggan hendaklah baru dan bersih.
23. Tuala muka hendaklah direndam dalam air mendidih atau diwap selama sekurang-kurangnya 5 minit dan kemudiannya dibasuh sebelum digunakan kepada pelanggan.
24. Krim cukuran yang dikhususkan sahaja dibenarkan digunakan bagi membuat buih cukuran.
25. Cawan bagi mengisi air bagi membuat buih cukuran hendaklah sentiasa dibersihkan setiap kali selepas digunakan bagi setiap pelanggan yang berlainan.

26. Pekerja hendaklah dibekalkan dengan kot, overall yang bersih.
27. Semua kelengkapan yang digunakan bagi aktiviti pendandan rambut hendaklah dibuat pembasmian kuman selepas selesai digunakan bagi tiap-tiap pelanggan dan setiap hari seperti berikut:
 - a. Pisau cukur, gunting dan sikat direndam dalam larutan disinfektan selama sekurang-kurangnya 3 minit.
 - b. Perepang (cilper) dibersihkan dengan sempurna dan dilap dengan kain yang dicelup dengan disinfektan
 - c. Berus rambut direndamkan bahagian bulunya selama sekurang-kurangnya 3 minit dalam larutan disinfektan yang sesuai dan keringkan berus tersebut.
 - d. Berus cukur yang baru hendaklah direndam dalam larutan formalin 10% selama sekurang-kurang 30 minit dan kemudiannya dibilias dengan air bersih. Apabila hendak digunakan lagi kemudiannya direndamkan bahagian bulu atau bulu keras dalam air mendidih selama sekurang-kurangnya 3 minit.
28. Tanda-tanda arahan / notis keselamatan yang mencukupi dan mematuhi piawaian.
29. Dilarang binatang memasuki premis gunting rambut dan pendandan rambut.

Papan Tanda / Papan Iklan:

30. Papan tanda / iklan hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Temerloh) 2000.
31. Setiap papan tanda / iklan hendaklah mendapat lesen daripada Majlis.
32. Bahasa Malaysia hendaklah digunakan bagi semua iklan samada ianya sahaja atau bersama-sama dengan apa-apa bahasa yang lain.
33. Keselamatan struktur iklan / papan tanda hendaklah diperakui oleh jurutera awam atau jurutera berdaftar.
34. Papan tanda /iklan hendaklah diselenggara (mengecat semula, menganti, membaiki atau membersihkan).

Keceriaan Premis:

35. Premis hendaklah sentiasa diselenggara supaya bersih, teratur dan ceria.
36. Langkah-langkah bagi menceriakan premis seperti penyediaan lanskap sangat dialukan.

Mengibarkan Bendera Negeri / Jalur Gemilang:

37. Memasang dengan sempurna dan mengibarkan Bendera Malaysia (Jalur Gemilang) dan Bendera Negeri Pahang dipremis masing-masing sepanjang sambutan Bulan Kemerdekaan, Hari Keputeraan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Hari Keputeraan KDYMM Sultan Pahang.

Aktiviti Persundalan / Kegiatan Tidak Bermoral:

38. Dilarang sebarang aktiviti persundalan, aktiviti tidak bermoral dipremis gunting rambut dan pendandan rambut.

Lain-Lain:

39. Sebarang perubahan maklumat berkaitan perniagaan, premis hendaklah dimaklumkan kepada majlis.
40. Majlis berhak untuk mengeluarkan apa-apa syarat, peraturan atau arahan dari masa ke semasa.

- **LESEN PREMIS PUSAT SIBER / CYBER CAFÉ / KEDAI KOMPUTER**

Premis:

1. Premis yang digunakan hendaklah berstatus perniagaan dan menepati garis panduan yang berkaitan.
2. Mematuhi syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Jabatan teknikal yang lain seperti Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan .
3. Mematuhi lain-lain syarat / arahan yang dikeluarkan oleh Majlis dari masa ke semasa.
4. Sebarang pindaan / ubahsuai premis hendaklah mendapat kelulusan dari Majlis.

Kemudahan Kebersihan:

5. Menyediakan tong sampah yang mencukupi dan berpenutup sempurna.
6. Menyediakan kemudahan tandas / urinal / sinka yang mencukupi dan terjaga kebersihannya. Sabun dan kemudahan tuala pengelap hendaklah disediakan.

Kemudahan Keselamatan / Kesihatan:

7. Menyediakan alat pemadam api / alat bantu pencegahan kebakaran sebagaimana ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.
8. Menyediakan kotak 'Fist-Aid' yang lengkap dan ditempatkan di bahagian yang bersesuaian.

Halangan / Kacauganggu:

9. Dilarang menimbulkan halangan / kacauganggu kepada lalulintas dan persekitaran.

Pematuhan Kepada Undang-Undang Kecil Berkaitan:

10. Sentiasa mematuhi kehendak Undang-Undang Kecil Kedai Tred Perniagaan Dan Perindustrian (Majlis Daerah Temerloh) 1984.

Pematuhan Kepada Garispanduan Pusat Siber / Cyber Café:

11. Aktiviti yang dibenarkan adalah aktiviti penyebaran dan mendapatkan maklumat melalui internet sahaja.
12. Pekerja asing tidak dibenarkan berkerja dipremis pusat siber / cyber café.
13. Kedudukan computer bagi tujuan melayari internet hendaklah berasingan daripada aktiviti sampingan yang lain dan hendaklah diletakkan dalam ruangan yang terbuka iaitu tidak berbilik dan tidak berpintu.
14. Aktiviti hiburan tidak dibenarkan seperti:
 - a. Permainan video
 - b. Perjudian
 - c. Gambar-gambar lucah
 - d. Muzik (pipe music)
 - e. Penjualan bahan-bahan bercetak khususnya yang mengandungi unsur-unsur negetif
15. Pengusaha hendaklah menyediakan buku rekod kemasukan pelanggan bagi tujuan semakan oleh Majlis pada bila-bila masa.
16. Masa operasi pusat siber / cyber café dihadkan pukul 12:00 tengah malam sahaja
17. Bagi pengunjung berumur di bawah 18 tahun, mereka hanya dibenarkan mengunjungi pusat siber / cyber café sehingga pukul 10:00 malam sahaja..
18. Had umur pengunjung pusat siber / cyber café hanya dibuka kepada pengunjung berumur 18 tahun ke atas. Pengunjung yang berumur di bawah 18 tahun dibenarkan mengunjungi pusat siber / cyber café dengan ditemani oleh ibu bapa atau penjaga.
19. Pelajar berpakaian seragam sekolah dilarang memasuki pusat siber / cyber café.
20. Dilarang penjualan minuman keras dan rokok
21. Pelanggan dilarang membawa masuk sebarang minuman keras dan rokok daripada luar.
22. Menyediakan notis mengenai larangan yang berkaitan untuk makluman pengunjung.

Papan Tanda / Papan Iklan:

23. Papan tanda / iklan hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Temerloh) 2000.
24. Setiap papan tanda / iklan hendaklah mendapat lesen daripada Majlis.
25. Bahasa Malaysia hendaklah digunakan bagi semua iklan samada ianya sahaja atau bersama-sama dengan apa-apa bahasa yang lain.
26. Keselamatan struktur iklan / papan tanda hendaklah diperakui oleh jurutera awam atau jurutera berdaftar.
27. Papan tanda / iklan hendaklah diselenggara (mengecat semula, menganti, membaiki atau membersihkan).

Keceriaan Premis:

28. Premis hendaklah sentiasa diselenggara supaya bersih, teratur dan ceria.
29. Langkah-langkah bagi menceriakan premis seperti penyediaan lanskap sangat dialukan.

Mengibarkan Bendera Negeri / Jalur Gemilang:

30. Memasang dengan sempurna dan mengibarkan Bendera Malaysia (Jalur Gemilang) dan Bendera Negeri Pahang dipremis masing-masing sepanjang sambutan Bulan Kemerdekaan, Hari Keputeraan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Hari Keputeraan KDYMM Sultan Pahang.

Aktiviti Perjudian / Kegiatan Pengedaran Dadah / Pil Khayal:

31. Dilarang sebarang aktiviti perjudian dijalankan dipremis cyber café.
32. Dilarang sebarang aktiviti penagihan / pengedaran dadah / pil khayal dipremis Cyber Café.

Lain-Lain:

33. Sebarang perubahan maklumat berkaitan perniagaan, premis hendaklah dimaklumkan kepada majlis.
34. Majlis berhak untuk mengeluarkan apa-apa syarat, peraturan atau arahan dari masa ke semasa.

- **LESEN PREMIS HIBURAN**

Premis:

1. Premis yang digunakan hendaklah berstatus perniagaan dan menepati garis panduan yang berkaitan.
2. Premis hiburan / pusat hiburan hendaklah menepati keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang iaitu mesti dibuka hanya di supermarket (pasaraya) dan dalam keadaan di tempat terbuka.
3. Mematuhi syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Jabatan teknikal yang lain seperti Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan .
4. Pemasangan / penggunaan cermin gelap di hadapan premis dilarang. Bahagian hadaan premis / pintu masuk hendaklah dipasang dengan cermin yang telus cahaya/terang untuk cahaya dan pandangan.
5. Mematuhi lain-lain syarat / arahan yang dikeluarkan oleh Majlis dari masa ke semasa.
6. Sebarang pindaan / ubahsuai premis hendaklah mendapat kelulusan dari Majlis.

Kemudahan Kebersihan:

7. Menyediakan tong sampah yang mencukupi dan berpenutup sempurna.
8. Menyediakan kemudahan tandas / urinal / sinka yang mencukupi dan terjaga kebersihannya. Sabun dan kemudahan tuala pengelap hendaklah disediakan.

Kemudahan Keselamatan / Kesihatan:

9. Menyediakan alat pemadam api / alat bantu pencegahan kebakaran sebagaimana ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.
10. Menyediakan kotak 'Fist-Aid' yang lengkap dan ditempatkan di bahagian yang bersesuaian.

Halangan / Kacauganggu:

11. Dilarang menimbulkan halangan / kacauganggu kepada lalulintas dan persekitaran.

Pematuhan Kepada Enakmen Hiburan / Kaedah-Kaedah Hiburan:

12. Sentiasa mematuhi kehendak Enakmen Hiburan 1993.
13. Sentiasa mematuhi kehendak Kaedah-Kaedah Hiburan 1996 dan pindaan-pindaan yang berkaitan

Pematuhan Kepada Garispanduan Hiburan / Syarat-Syarat Aktiviti Hiburan:

14. Hanya menjalankan aktiviti hiburan seperti diluluskan lesen sahaja.
15. Mematuhi syarat-syarat khusus aktiviti hiburan.
16. Pengendalian tempat hiburan hendaklah dalam tempoh masa yang dinyatakan di dalam lesen.
17. Pengusaha hendaklah memastikan kawalan terhadap paras bunyi yang disebabkan hiburan dan mengelakkan dari menjadi kacauganggu kepada persekitaran dan orang awam.
18. Pengusaha juga hendaklah memastikan bilangan mesin/meja/bilik bagi apa-apa permainan yang dibenarkan tidak melebihi had yang dinyatakan didalam lesen.
19. Tiada hiburan lucah boleh dijalankan dipremis hiburan.
20. Tiada radas yang berupaya membuat pelarasan boleh digunakan dalam apa-apa permainan untuk mengubah peluang seseorang pemain daripada mencapai tujuannya.
21. Pengusaha juga hendaklah memastikan bahawa tiada bir / minuman yang memabukkan dihidang / diminum didalam tempat hiburan melainkan lesen minuman keras telah diperolehi oleh Lembaga Pelesenan Eksais Daerah dibawah Akta Eksais 1976.
22. Permohonan bagi mendapatkan lesen jualan minuman keras (liquor) hendaklah mendapat kelulusan Pejabat Daerah Temerloh.

23. Penguasaha / operator hendaklah memastikan tiada pertaruhan, loteri atau perjudian sebagaimana ditakrifkan didalam Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 atau Ordinan Pertaurhan 1953 dijalankan dalam satu tempat hiburan.
24. Semua jenis dadah / pil khayal diharamkan untuk kegunaan sendiri atau diedarkan kepada pengunjung dipremis hiburan.
25. Pengusaha / operator bertanggungjawab memastikan premis hiburan masing-masing bebas dari semua jenis dadah dan pil khayal.
26. Pengusaha / operator juga hendaklah memastikan tiada aktiviti maksiat atau lucah yang melibatkan pengunjung/pekerja dijalankan dipremis masing-masing. Pegawai Perhubungan Pelanggan (GRO) tidak dibenarkan berkhidmat/berkerja dipremis hiburan.
27. Menyediakan papan kenyataan mengenai had umur, waktu perniagaan, larangan murid-murid sekolah memasuki premis/tempat hiburan hendaklah dipasang/dipamerkan di pintu premis.

Papan Tanda / Papan Iklan:

28. Papan tanda / iklan hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Temerloh) 2000.
29. Setiap papan tanda / iklan hendaklah mendapat lesen daripada Majlis.
30. Bahasa Malaysia hendaklah digunakan bagi semua iklan samada ianya sahaja atau bersama-sama dengan apa-apa bahasa yang lain.
31. Keselamatan struktur iklan / papan tanda hendaklah diperakui oleh jurutera awam atau jurutera berdaftar.
32. Papan tanda /iklan hendaklah diselenggara (mengecat semula, menganti, membaiki atau membersihkan).

Keceriaan Premis:

33. Premis hendaklah sentiasa diselenggara supaya bersih, teratur dan ceria.
34. Langkah-langkah bagi menceriakan premis seperti penyediaan lanskap sangat dialukan.

Mengibarkan Bendera Negeri / Jalur Gemilang:

35. Memasang dengan sempurna dan mengibarkan Bendera Malaysia (Jalur Gemilang) dan Bendera Negeri Pahang dipremis masing-masing sepanjang sambutan Bulan Kemerdekaan, Hari Keputeraan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Hari Keputeraan KDYMM Sultan Pahang.

Aktiviti Yang Dilarang Dipremis Hiburan:

36. Mematuhi semua larangan dipatuhi sepenuhnya..

Lain-Lain:

37. Sebarang perubahan maklumat berkaitan perniagaan, premis hendaklah dimaklumkan kepada majlis.
38. Majlis berhak untuk mengeluarkan apa-apa syarat, peraturan atau arahan dari masa ke semasa.

- **LESEN PREMIS SPA / REFLEKSOLOGI / PERAWATAN KESIHATAN**

Premis:

1. Premis yang digunakan hendaklah berstatus perniagaan
2. Mematuhi syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Jabatan teknikal yang lain seperti Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan .
3. Mematuhi lain-lain syarat / arahan yang dikeluarkan oleh Majlis dari masa ke semasa.
4. Ruang tempat urutan hendaklah tidak berkunci.
5. Sebarang pindaan / ubahsuai premis hendaklah mendapat kelulusan dari Majlis.
6. Memaklumkan sebarang pertambahan keluasan bangunan kepada Majlis.
7. Dilarang meletakkan sebarang peralatan atau barang dikalimata.
8. Longkang, parit disemua bahagian premis hendaklah diselenggara supaya berkeadaan sempurna dan bersih dan dapat membenarkan pengaliran air yang lancar.

Kemudahan Kebersihan:

9. Menyediakan tong sampah yang mencukupi dan berpenutup sempurna.
10. Menyediakan kemudahan tandas / urinal yang mencukupi dan terjaga kebersihannya. Sabun dan kemudahan tuala pengelap hendaklah disediakan.
11. Menyediakan sinka basuh tangan yang cukup dan lengkap dengan sabun serta tuala pengelap yang bersih.

Kemudahan Keselamatan / Kesihatan:

12. Menyediakan alat pemadam api / alat bantu pencegahan kebakaran sebagaimana ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.
13. Menyediakan kotak 'Fist-Aid' yang lengkap dan ditempatkan di bahagian yang bersesuaian.

Pematuhan Kepada Undang-Undang Kecil Berkaitan:

14. Sentiasa mematuhi kehendak Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan Dan Perindustrian (Majlis Daerah Temerloh) 1984.

Tatacara Aktiviti Perniagaan / Kebersihan / Kesihatan:

15. Memastikan aktiviti perniagaan tidak menimbulkan kacauganggu kepada persekitaran (bunyi, bau dan penglihatan).
16. Semua pekerja / tukang urut refleksologi hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan.
17. Pekerja / tukang urut hendaklah mempunyai kepakaran / terlatih.
18. Aktiviti SPA hendaklah mematuhi garis panduan berhubung perniagaan SPA.
19. Mengadakan bekas yang sesuai dan cukup bagi mengisi tuala kotor , lain-lain kain kotor selepas digunakan.
20. Pekerja SPA hendaklah memakai kot, overall yang bersih atau dibekalkan pakaian seragam.
21. Memastikan setiap tuala muka, pelindung leher, tuala leher dan fabrik –fabrik lain yang digunakan secara langsung menyentuh kulit seseorang pelanggan hendaklah baru dan bersih.
22. Kebersihan katil, cadar, kerusi yang terlibat dalam aktiviti perniagaan hendaklah berada dalam keadaan bersih..
23. Pekerja hendaklah dibekalkan dengan kot, overall yang bersih.
24. Semua kelengkapan yang digunakan bagi aktiviti SPA hendaklah dibuat pembasmian kuman / pembersihan.
25. Bahan-bahan produk kesihatan, ubatan , herba yang digunakan didalam aktiviti perawatan hendaklah mendapat kelulusan daripada Jabatan Farmasi.
26. Tanda-tanda arahan / notis keselamatan yang mencukupi dan mematuhi piawaian.

Papan Tanda / Papan Iklan:

27. Papan tanda / iklan hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Temerloh) 2000.
28. Setiap papan tanda / iklan hendaklah mendapat lesen daripada Majlis.
29. Bahasa Malaysia hendaklah digunakan bagi semua iklan samada ianya sahaja atau bersama-sama dengan apa-apa bahasa yang lain.
30. Keselamatan struktur iklan / papan tanda hendaklah diprakui oleh jurutera awam atau jurutera berdaftar.
31. Papan tanda / iklan hendaklah diselenggara (mengecat semula, menganti, membaiki atau membersihkan).

Keceriaan Premis:

32. Premis hendaklah sentiasa diselenggara supaya bersih, teratur dan ceria.
33. Langkah-langkah bagi menceriakan premis seperti penyediaan lanskap sangat dialukan.

Mengibarkan Bendera Negeri / Jalur Gemilang:

34. Memasang dengan sempurna dan mengibarkan Bendera Malaysia (Jalur Gemilang) dan Bendera Negeri Pahang dipremis masing-masing sepanjang sambutan Bulan Kemerdekaan, Hari Keputeraan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Hari Keputeraan KDYMM Sultan Pahang.

Aktiviti Persundalan / Kegiatan Tidak Bermoral:

35. Dilarang sebarang aktiviti persundalan, aktiviti tidak bermoral dipremis SPA/ Urutan Refleksologi.

Lain-Lain:

36. Sebarang perubahan maklumat berkaitan perniagaan, premis hendaklah dimaklumkan kepada majlis.
37. Majlis berhak untuk mengeluarkan apa-apa syarat, peraturan atau arahan dari masa ke semasa.

- **LESEN HOTEL**

Premis:

1. Premis yang digunakan hendaklah berstatus perniagaan/hotel
2. Mematuhi syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Jabatan teknikal yang lain seperti Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan.
3. Mematuhi lain-lain syarat / arahan yang dikeluarkan oleh Majlis dari masa ke semasa.
4. Sebarang pindaan / ubahsuai premis hendaklah mendapat kelulusan dari Majlis.
5. Pengudaraan bagi setiap bilik / ruangan hendaklah mencukupi.
6. Pencahayaan bagi setiap bilik / ruangan hendaklah mencukupi
7. Memaklumkan sebarang pertambahan keluasan bangunan kepada Majlis.
8. Dilarang meletakkan sebarang peralatan atau barang dikakilima.
9. Longkang, parit disemua bahagian premis hendaklah diselenggara supaya berkeadaan sempurna dan bersih dan dapat membenarkan pengaliran air yang lancar.

Kemudahan Kebersihan:

10. Menyediakan tong sampah yang mencukupi dan berpenutup sempurna.
11. Menyediakan kemudahan tandas / urinal yang mencukupi dan terjaga kebersihannya. Sabun dan kemudahan tuala pengelap hendaklah disediakan.
12. Menyediakan sinka basuh tangan yang cukup dan lengkap dengan sabun serta tuala pengelap yang bersih.

Kemudahan Keselamatan / Kesihatan:

13. Menyediakan alat pemadam api / alat bantu pencegahan kebakaran sebagaimana ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.
14. Menyediakan tanda arahan / signage bagi laluan kecemasan / exit
15. Menyediakan kotak 'Fist-Aid' yang lengkap dan ditempatkan di bahagian yang bersesuaian.

Halangan / Kacauganggu:

16. Dilarang menimbulkan halangan / kacauganggu kepada lalulintas dan persekitaran.
17. Memastikan laluan kecemasan tidak terhalang.

Pematuhan Kepada Undang-Undang Kecil Berkaitan:

18. Sentiasa mematuhi kehendak Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan Dan Perindustrian (Majlis Daerah Temerloh) 1984.

Buku Daftar Penginap:

19. Buku daftar penginap hendaklah sedia dan maklumat hendaklah dilengkapkan setiap hari.
20. Buku daftar berkenaan hendaklah mengandungi maklumat berkenaan nama, no kad pengenalan, umur, jantina, pekerjaan, alamat, tarikh sampai dan tarikh keluar.

Kawasan Taman / Kawasan Lapang / Tempat Letak Kereta:

21. Semua taman, kawasan lapang dan kawasan letak kereta yang menjadi sebahagian dari kawasan hotel hendaklah dijaga kebersihannya setiap masa.

Aktiviti Persundalan / Perjudian / Kegiatan Tidak Bermoral:

22. Dilarang sebarang aktiviti persundalan, perjudian dan aktiviti tidak bermoral dipremis hotel.

Kemudahan / Kelengkapan Bilik:

23. Kawasan lobi, lounge, ruang tetamu hendaklah disediakan dengan kemudahan tong sampah (litterbins) yang mencukupi.
24. Semua kabinet, katil, kerusi, meja disetiap bilik hendaklah berada dalam keadaan baik dan bersih.
25. Semua tilam, bantal hendaklah berkeadaan baik dan bersih.
26. Semua fabric yang diguna/dibekalkan kepada pelanggan seperti cadar, sarung bantal, selimut, kemudahan tuala, tuala pengelap hendaklah bersih dan sentiasa ditukar setiap hari.
27. Kemudahan kebersihan bagi setiap bilik (tandas, bilik mandi, bathtub, sinka) hendaklah berkeadaan sempurna dan bersih.
28. Kemudahan tong sampah berserta karung plastic hendaklah disediakan bagi setiap bilik.
29. Setiap pemasangan elektrik seperti kipas, alat penghawa dingin, lampu hendaklah berkeadaan baik, sempurna dan bersih.
30. Keadaan bilik penginapan meliputi lantai, dinding, tingkap dan siling hendaklah berkeadaan sempurna dan bersih.
31. Tanda menunjukkan arah kiblat hendaklah disediakan bagi setiap bilik.
32. Sekiranya perkhidmatan SPA/refleksologi/perawatan kesihatan disediakan dipremis hotel hendaklah mendapatkan lesen dan mematuhi syarat/garis panduan perkhidmatan SPA/refleksologi/perawatan kesihatan.
33. Sekiranya aktiviti penyediaan, jualan makanan turut diadakan dipremis ini hendaklah mendapatkan lesen dan mematuhi segala syarat/kehendak kebersihan/kesihatan berkaitan aktiviti jualan/penyediaan makanan.
34. Bekalan makanan/minuman yang disediakan hendaklah bersih.
35. Peralatan-peralatan yang dibekalkan untuk kegunaan penghuni bagi setiap bilik hendaklah berkeadaan baik, bersih dan selamat.
36. Kerja-karya penyelenggaraan kebersihan ruang, bilik hendaklah dijalankan dengan sempurna.
37. Tanda-tanda arahan / notis keselamatan yang mencukupi dan mematuhi piawaian.

Papan Tanda / Papan Iklan:

38. Papan tanda / iklan hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Temerloh) 2000.
39. Setiap papan tanda / iklan hendaklah mendapat lesen daripada Majlis.
40. Bahasa Malaysia hendaklah digunakan bagi semua iklan samada ianya sahaja atau bersama-sama dengan apa-apa bahasa yang lain.
41. Keselamatan struktur iklan / papan tanda hendaklah diperakui oleh jurutera awam atau jurutera berdaftar.
42. Papan tanda /iklan hendaklah diselenggara (mengecat semula, menganti, membaiki atau membersihkan).

Keceriaan Premis:

43. Premis hendaklah sentiasa diselenggara supaya bersih, teratur dan ceria.
44. Langkah-langkah bagi menceriakan premis seperti penyediaan lanskap sangat dialukan.

Mengibarkan Bendera Negeri / Jalur Gemilang:

45. Memasang dengan sempurna dan mengibarkan Bendera Malaysia (Jalur Gemilang) dan Bendera Negeri Pahang dipremis masing-masing sepanjang sambutan Bulan Kemerdekaan, Hari Keputeraan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Hari Keputeraan KDYMM Sultan Pahang.

Lain-Lain:

46. Sebarang perubahan maklumat berkaitan perniagaan, premis hendaklah dimaklumkan kepada majlis.
47. Majlis berhak untuk mengeluarkan apa-apa syarat, peraturan atau arahan dari masa ke semasa.

- **LESEN PERUSAHAAN SARANG BURUNG WALIT**

Premis:

1. Premis yang digunakan hendaklah berstatus perniagaan.
2. Mematuhi syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Jabatan teknikal yang lain seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Kesihatan.
3. Mematuhi lain-lain syarat / arahan yang dikeluarkan oleh Majlis dari masa ke semasa.
4. Bangunan yang diwartakan sebagai bangunan warisan (heritage) dilarang untuk dimajukan sebagai premis perusahaan/penternakan burung walit.
5. Premis hendaklah mematuhi garis panduan Pembangunan Industri Burung Walit Negeri Pahang 2014.

Kursus Amalan Baik Penternakan Burung Walit (GAHP):

6. Pemohon dikehendaki menghadiri kursus Amalan Baik Penternakan Burung Walit (GAHP).
7. Sijil kursus perlu disertakan semasa mengemukakan permohonan lesen.
8. Pemohon juga hendaklah menjadi ahli Persekutuan Persatuan Pedagang Sarang Burung Walit Malaysia mengikut negeri.

Fasiliti Dan Alam Sekitar:

9. Premis burung walit, persekitarannya dan mana-mana peralatan didalamnya mesti berada dalam keadaan bersih dan berfungsi dengan baik.

Kebersihan:

10. Rumah burung walit, pesekitarannya dan mana-mana peralatan didalamnya mesti berkeadaan bersih.
11. Premis burung walit mesti dibersihkan dan dihapus kuman menggunakan ubat pembasmi kuman yang sesuai.
12. Pembersihan premis ini disyorkan sekurang-kurangnya sekali seminggu.
13. Premis burung walit hendaklah berkeadaan kering.
14. Guano (najis burung) mesti dipunggut selalu dan dilupuskan mengikut garis panduan GAHP.
15. Semua bekas di dalam premis dihapus kuman semasa guano dipunggut.

Kacauganggu Bunyi Bising:

16. Pelesen hendaklah memastikan tidak menimbulkan kacauganggu bunyi bising.
17. Dilarang menggunakan peralatan ajuk bunyi.

Tanggungjawab Pemegang Lesen:

18. Pemegang lesen bertanggungjawab mematuhi semua syarat pelesenan yang ditetapkan dan garis panduan berkaitan.

Pematuhan Kepada Undang-Undang Kecil Berkaitan:

19. Sentiasa mematuhi kehendak Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan Dan Perindustrian (Majlis Daerah Temerloh) 1984.

Lain-Lain:

20. Sebarang perubahan maklumat berkaitan perniagaan, premis hendaklah dimaklumkan kepada majlis.
21. Majlis berhak untuk mengeluarkan apa-apa syarat, peraturan atau arahan dari masa ke semasa.

- **LESEN PERNIAGAAN DI GERAI PASAR**

Gerai:

1. Gerai digunakan hendaklah seperti ditawarkan.
2. Mematuhi syarat-syarat penyewaan yang dikeluarkan.
3. Mematuhi lain-lain syarat / arahan yang dikeluarkan oleh Majlis dari masa ke semasa.
4. Dilarang menyewakan gerai, menyewakan sebahagian gerai kepada lain-lain peniaga.
5. Dilarang membuat ubahsuai, sambungan mana-mana bahagian gerai.
6. Hendaklah menggunakan ruangan gerai yang ditawarkan sahaja.

Kebersihan:

7. Sentiasa menjaga kebersihan gerai.
8. Memastikan segala sampah sarap, sisa perniagaan sentiasa dibersihkan.
9. Menyediakan tong sampah berserta karung plastic bagi mengumpul sisa/sampah basah.
10. Melupuskan sampah sarap, sisa mengikut cara ditentukan oleh Majlis.

Bayaran Sewaan / Lesen Gerai:

11. Bayaran sewaan hendaklah sentiasa dijelaskan mengikut tempoh ditetapkan.
12. Sewaan hendaklah dipastikan tidak tertunggak.
13. Bayaran lesen hendaklah dijelaskan mengikut kadar ditetapkan.
14. Lesen hendaklah dipamerkan digerai masing-masing.

Halangan:

15. Dilarang meletak/menempatkan barangan/peralatan/bahan jualan dilaluan pejalan kaki/laluan awam.

Tanggungjawab Penyewa / Pemegang Lesen:

16. Pemegang lesen bertanggungjawab mematuhi semua syarat pelesenan yang ditetapkan.
17. Pemegang lesen juga selaku penyewa gerai adalah bertanggungjawab menjelaskan sewaan gerai mengikut tempoh ditetapkan.
18. Mematuhi segala arahan dikeluarkan Majlis dari masa ke semasa.

Lain-Lain:

19. Sebarang perubahan maklumat berkaitan perniagaan, premis hendaklah dimaklumkan kepada majlis.
20. Majlis berhak untuk mengeluarkan apa-apa syarat, peraturan atau arahan dari masa ke semasa.

- **LESEN PENJAJA STATIK**

Tapak / Lokasi Perniagaan:

1. Tapak menjaja hendaklah ditempat/lokasi yang dibenarkan sahaja.
2. Sekiranya tapak merupakan tanah kerajaan, lesen menduduki sementara perlu diperolehi.
3. Sekiranya tapak merupakan tanah milik, perlu mendapat kebenaran pemilik.
4. Mematuhi larangan kawasan menjaja:
 - a. Dalam lingkungan 9m (30 kaki) dari simpang jalan
 - b. Dalam lingkungan 9m (30 kaki) dari pili bomba
 - c. Diatas tangga, kakilima atau tempat awam melainkan dibenarkan oleh Majlis.

Pemeriksaan Kesihatan / Latihan Pengendali Makanan:

5. Penjaja hendaklah menjaga kebersihan tapak / gerai.
6. Penjaja makanan/minuman dikehendaki:
 - a. Menjalani pemeriksaan kesihatan.
 - b. Mendapatkan suntikan pelalian TY-2
 - c. Mendapatkan kad pengendali makanan Majlis
 - d. Menghadiri kursus / latihan wajib pengendali makanan (dari Institut Latihan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia)
7. Memastikan segala sampah sarap, sisa perniagaan sentiasa dibersihkan.
8. Menyediakan tong sampah berserta karung plastic bagi mengumpul sisa/sampah basah.
9. Melupuskan sampah sarap, sisa mengikut cara ditentukan oleh Majlis.

Kebersihan:

10. Penjaja jualan makanan/minuman hendaklah memastikan:
 - a. Kebersihan diri, pakaian adalah bersih, kemas dan memakai apron/tutup kepala.
 - b. Gerai atau kenderaan dan alatan menjajan berada dalam keadaan bersih.
 - c. Menyelenggara tempat menjaja / gerai supaya sentiasa bersih dan sempurna.
 - d. Tempat mempamer makanan atau bekas makanan hendaklah dari bahan tahan karat.
 - e. Menggunakan pembungkus makanan yang bersih.
 - f. Mendapatkan bekalan air yang bersih.
11. Sentiasa menjaga kebersihan tapak / gerai.
12. Memastikan segala sampah sarap, sisa perniagaan sentiasa dibersihkan.
13. Menyediakan tong sampah berserta karung plastic bagi mengumpul sisa/sampah basah.
14. Melupuskan sampah sarap, sisa mengikut cara ditentukan oleh Majlis.

Larangan:

15. Dilarang menjaja atau meletak/menempatkan barangan/peralatan/bahan jualan dilaluan pejalan kaki/laluan awam.
16. Dilarang membuang, menumpah sebarang cecair buangan, kekotoran atau bahan busuk dimana-mana longkang / tempat awam.

Tanggungjawab:

17. Penjaja hendaklah mematuhi semua syarat pelesenan yang ditetapkan.
18. Mematuhi segala arahan dikeluarkan Majlis dari masa ke semasa.

Lain-Lain:

19. Sebarang perubahan maklumat berkaitan perniagaan, premis hendaklah dimaklumkan kepada majlis.
20. Majlis berhak untuk mengeluarkan apa-apa syarat, peraturan atau arahan dari masa ke semasa.

- **LESEN PENJAJA BEREDAR**

Tapak / Lokasi Perniagaan / Kenderaan:

1. Tapak menjaja hendaklah ditempat/lokasi yang dibenarkan sahaja.
2. Penjaja beredar hendaklah sentiasa beredar mengikut lokasi / zon yang diluluskan.
3. Kenderaan yang digunakan hendaklah dari jenis / saiz yang diluluskan sahaja.

Pemeriksaan Kesihatan / Latihan Pengendali Makanan:

4. Penjaja hendaklah menjaga kebersihan tapak / kenderaan yang digunakan.
5. Penjaja makanan/minuman dikehendaki:
 - a. Menjalani pemeriksaan kesihatan.
 - b. Mendapatkan suntikan pelalian TY-2
 - c. Mendapatkan kad pengendali makanan Majlis
 - d. Menghadiri kursus / latihan wajib pengendali makanan (dari Institut Latihan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia)
6. Memastikan segala sampah sarap, sisa perniagaan sentiasa dibersihkan.
7. Menyediakan tong sampah berserta karung plastic bagi mengumpul sisa/sampah basah.
8. Melupuskan sampah sarap, sisa mengikut cara ditentukan oleh Majlis.

Kebersihan:

9. Penjaja beredar jualan makanan/minuman hendaklah memastikan:
 - a. Kebersihan diri, pakaian adalah bersih, kemas dan memakai apron/tutup kepala.
 - b. Kenderaan dan alatan menjajan berada dalam keadaan bersih.
 - c. Menyelenggara tempat menjaja / gerai supaya sentiasa bersih dan sempurna.
 - d. Tempat mempamer makanan atau bekas makanan hendaklah dari bahan tahan karat.
 - e. Menggunakan pembungkus makanan yang bersih.
 - f. Menyediakan bekalan air yang bersih.
10. Memastikan segala sampah sarap, sisa perniagaan sentiasa dibersihkan sebelum ia bergerak ke tempat lain.
11. Menyediakan tong sampah berserta karung plastic bagi mengumpul sisa/sampah basah.
12. Melupuskan sampah sarap, sisa mengikut cara ditentukan oleh Majlis.

Larangan:

13. Dilarang menjaja atau meletak/menempatkan barangan/peralatan/bahan jualan dilaluan pejalan kaki/laluan awam.
14. Dilarang membuang, menumpah sebarang cecair buangan, kekotoran atau bahan busuk dimana-mana longkang / tempat awam.
15. Dilarang memasuki / menjaja dilokasi berikut:
 - a. Mana-mana zon / lokasi penempatan penjaja statik.
 - b. Kawasan pasar
 - c. Lingkungan 40 meter dari kawasan pagar sekolah.

Tanggungjawab:

16. Penjaja beredar hendaklah mematuhi semua syarat pelesenan yang ditetapkan.
17. Mematuhi segala arahan dikeluarkan Majlis dari masa ke semasa.

Lain-Lain:

18. Sebarang perubahan maklumat berkaitan perniagaan, premis hendaklah dimaklumkan kepada majlis.
19. Majlis berhak untuk mengeluarkan apa-apa syarat, peraturan atau arahan dari masa ke semasa.

